



马来西亚华校董事联合会总会
United Chinese School
Committees' Association of Malaysia



C1aDpOdgwiJ0qQ?view_as=subscriber)
.my (mailto:support@dongzong.my)

(/v3/zh (/v3/zh/about-us/introduction.html)

BM (<https://www.dongzong.my/v3/ms/info/mengenai-dong-zong.html>)

EN (/v3/en/about-us.html)

✉ MENGENAI DONG ZONG (/V3/MS/INFO/MENGENAI-DONG-ZONG/58-MENGENAI-DONG-ZONG.HTML)

👁 JUMLAH PAPARAN: 23596

Mengenai Dong Zong

Latar Belakang Dong Zong



Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) : Latar Belakang dan Objektif Penubuhan Serta Keahlian

Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) ditubuhkan pada 22 Ogos 1954. Ahli-ahlinya terdiri daripada persatuan lembaga pengurus sekolah atau persatuan lembaga pengurus dan guru-guru sekolah Cina dari setiap negeri di seluruh negara. Ahli-ahlinya di peringkat negeri adalah pertubuhan berdaftar di bawah Akta



(/v3/)

Sejak penubuhannya pada tahun 1954, Dong Zong bekerjasama rapat dengan Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) dalam memperjuangkan hak-hak bangsa Cina. Kedua-dua pertubuhan merupakan peneraju dalam pendidikan Cina dan dikenali sebagai "Dong Jiao Zong" dan hubungan mereka telah dikenal sejaya hari ini. Mereka berusaha menentang dasar ketidaksamaan.. Setelah berjuang dan tabah menempuh pelbagai ujian selama setengah abad, Dong Jiao Zong telah membina imej yang kukuh sebagai jurucakap pendidikan Cina di Malaysia, dan sebagai peneraju dalam pendidikan Sekolah Cina yang diusahakan oleh masyarakat Cina.

Ahli-ahli Dong Zong di peringkat negeri pada asalnya merupakan ahli-ahli lembaga pengurus sekolah daripada Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negeri berkenaan. Masyarakat Cina di setiap kawasan di seluruh negara telah mengadakan lembaga pengurus/pengelola di sekolah tempatan untuk tujuan penubuhan dan pengurusan sekolah. Lembaga pengurus sekolah Cina di setiap komuniti adalah organisasi akar umbi kepada Dong Zong, dan juga penaung kepada pendidikan Cina tempatan. Selama ini, lembaga pengurus sekolah Cina bertanggungjawab untuk membangunkan sekolah dan pendidikan demi melahirkan modal insan cemerlang dan berbakat untuk bangsa dan negara, dan menampung pembiayaan dan tanggungjawab kerajaan dalam pendidikan. Dong Zong berusaha gigih untuk menentang dasar pendidikan satu aliran sekolah demi mempertahankan pendidikan bahasa ibunda di samping menuntut keadilan dan kesaksamaan status dan kedudukan antara semua kaum atau etnik.

Objektif Dong Zong:

- (1) Menyatupadukan ahli-ahli, mempertahankan dan membangunkan pendidikan Cina di Malaysia
- (2) Mengkaji dan menggerakkan semua aspek berkenaan dengan pembangunan dan pembaharuan sistem pendidikan sekolah Cina di Malaysia, antaranya termasuk kurikulum, peperiksaan, guru, dana pendidikan dan sebagainya
- (3) Memperkuuh dan mengeratkan hubungan antara pengurus/pengelola sekolah-sekolah Cina di Malaysia
- (4) Menyatukan dan mengukuhkan kekuatan masyarakat Cina di Malaysia dalam usaha menambah baik dan memperkasa pendidikan Cina
- (5) Mewakili lembaga pengurus sekolah-sekolah Cina di Malaysia untuk berunding dengan kerajaan mengenai semua aspek berkenaan dengan sekolah-sekolah Cina



(/v3/) persatuan lembaga pengurus dan guru sekolah Cina dari negeri-negeri berikut:

1. Johor
2. Melaka
3. Negeri Sembilan
4. Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya
5. Perak
6. Pulau Pinang
7. Kedah
8. Perlis
9. Pahang
10. Terengganu
11. Kelantan
12. Sarawak
13. Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Visi, Misi dan Nilai Teras Dong Zong

Visi Dong Zong: Menerajui Pendidikan Cina di Malaysia ke arah pembangunan mampan

Misi Dong Zong: Mempertahankan dan membangunkan pendidikan Cina, dan berjuang untuk kesamaan status

Nilai Teras Dong Zong: Bersatu padu, Kesetiaan, Bertanggungjawab dan Maju ke Hadapan

LOGO



马来西亚华校董事联合会总会
United Chinese School
Committees' Association of Malaysia

(/v3/)



elemen grafik, iaitu api untuk kedua-dua bangsa, keharmonian, dan semangat perpaduan. Maksud muktamadnya ialah “kesinambungan bangsa dan budaya perjuangan Dong Zong”. Perkataan yang standard dalam logo terdiri daripada singkatan dan nama penuh “Dong Zong” dalam tulisan Cina tradisional dan Bahasa Inggeris, yang mana melambangkan Dong Zong menuju ke arah pembangunan mampan, melangkaui zaman dan terus maju ke hadapan

Kombinasi warna ungu, merah jingga dan kuning dalam logo melambangkan semangat Dong Zong yang proaktif, berwawasan, dan berkomitmen tinggi untuk merealisasikan visi dan misi dengan berlandaskan nilai teras.

Maksud:

1. Api obor: Reka bentuk api obor yang mencondong ke kanan dan menghala ke atas melambangkan semangat Dong Zong yang dinamik dan sentiasa mara ke hadapan;
2. Obor: Obor yang mantap menyala melambangkan Dong Zong sentiasa mengorak langkah ke hadapan, dan memiliki asas yang kukuh. Warna ungu dan merah melambangkan kemantapan dan kemegahan;
3. Lengkungan berbentuk S melambangkan vitaliti dan dinamik.
4. Reka bentuk obor secara keseluruhan membayangkan seorang yang berlari dengan membawa obor, melambangkan semangat Dong Zong yang sentiasa bergerak ke hadapan, dan semangat ini akan diwarisi secara turun-temurun dari generasi ke generasi.

